

# **BAHASA MELAYU DALAM ERA DAN PENDIDIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT: STATUS DAN CABARAN**

*Oleh*  
**Prof. Madya Dr. Aziz bin Deraman**  
**(Malaysia)**

## **Pendahuluan**

Kesediaan Malaysia menerima Teknologi Maklumat atau ringkasnya TM sebagai salah satu tujuan dalam wawasan 2020 telah mula direalisasikan menerusi projek mega Koridor Raya Multimedia atau MSC. Projek yang menampilkan beberapa aplikasi besar seperti kerajaan elektronik dan sekolah bestari telah menjadi pemangkin kepada pembudayaan TM dalam kehidupan masyarakat. Berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan untuk memastikan bahawa masyarakat menjadi lebih celik komputer seperti projek TaniNet.<sup>1</sup> Sandaran negara terhadap TM amat tinggi sehinggakan setiap warga dirasakan perlu mendapat taraf celik TM secukupnya. Ini amat penting untuk memastikan TM berfungsi sebagai satu bidang industri yang dapat memberi sumbangan ekonomi yang penting kepada negara. Hingga kini, usaha memartabatkan TM terus mendapat perhatian kerajaan. Sebagai contoh yang terkini, galakan menggunakan simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli komputer menampakkan betapa pentingnya TM sehingga kepada institusi keluarga.

Dalam keghairahan mencelikkan masyarakat terhadap TM, kadangkala kadang kita mungkin terlupa tentang unsur-unsur budaya TM. TM yang sedang berkembang di Malaysia masih berbudaya asing. Sebahagian besar unsur-unsur seperti bahasa, persembahan dan kandungan maklumatnya masih beracuan

---

<sup>1</sup> A.B. Deraman & A. K. Shamsul Bahar, 2000. *Bringing the Farming Community Into the Internet Age: A Case Study*, *dlm Informing Science Journal*, , Volume 3, No 4. hlm. 207 - 214.

Barat. Menyogok masyarakat kita dengan TM berbudaya asing tentulah bukan langkah yang bijak. Kertas ini cuba mengupas secara lebih terperinci bagaimana bahasa Melayu boleh menjadi komponen pembudayaan TM negara. Kita amat sedar sehingga hari ini berbagai-bagai dasar TM telah digubal seperti dasar penggunaan dan perindustrian TM, dasar keselamatan maklumat digital dan undang-undang siber. Namun kita masih lagi menunggu dasar yang lebih jelas tentang status bahasa Melayu dalam pembudayaan TM negara, terutamanya yang berkaitan dengan persembahan dan kandungan maklumat. Kertas ini seterusnya disusun dengan membincangkan isu-isu bahasa Melayu dan statusnya dalam perkembangan TM semasa. Bahagian berikutnya pula akan membincangkan pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia memartabatkan bahasa Melayu dalam TM. Akhirnya beberapa aspek cabaran dan pendekatan penyelesaian terhadap status bahasa Melayu dalam TM di Malaysia akan diperbahaskan.

### **Isu dan Permasalahan Masa Kini**

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara memang diakui kukuh dan mantap. Bagaimanapun dengan suasana penduduk yang berbilang kaum seperti Cina dan India, keseragaman penggunaan bahasa Melayu menjadi agak terganggu. Setiap kaum masih kuat berpegang kepada bahasa ibunda mereka sehinggakan isu-isu bahasa aliran sekolah rendah umpamanya menjadi begitu sensitif untuk dibincangkan secara terbuka. Kita dapat juga melihat dengan jelas bagaimana pengaruh kuasa ekonomi terhadap penggunaan dan pembudayaan bahasa Melayu. Kekuatan ekonomi pada kaum Cina umpamanya, jelas sekali membawa bahasa ibunda mereka menjadi bahasa perniagaan. Malah urusan dengan kaum lain pula lebih mudah dikendalikan dalam bahasa Inggeris yang dikatakan lebih bersifat antarabangsa atau global. Inilah hakikatnya.

Pada awal tahun 2001 ini pula, kita juga telah dikejutkan oleh isu perpaduan dan kemajuan orang Melayu. Antara isunya ialah orang Melayu merasakan peranan mereka dalam kegiatan ekonomi negara semakin terancam lantaran hanya berkemampuan berbahasa Melayu. Pandangan ini telah disokong kuat oleh

Pertubuhan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung atau GPMS. Malah GPMS mencadangkan supaya sekolah aliran Inggeris diwujudkan semula untuk kepentingan ekonomi orang Melayu. Adakah ini dianggap melawan arus dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu di negara Melayu sendiri? Selain kegiatan perniagaan, bahasa Melayu juga terpinggir dalam aspek hiburan yang menjadi sebahagian daripada keperluan asas setiap rakyat negara ini. Walaupun pihak Radio dan Televisyen Malaysia atau RTM boleh menghasilkan rancangannya yang 100% berbahasa Melayu, rasanya masih tidak terlawan persembahan rangkaian TV swasta yang menggunakan bahan dan bahasa asing dengan teknologi tercanggih. Mereka ini mampu menyelerakan penonton dengan seribu satu pilihan hiburan.

Suasana yang agak negatif seperti di atas tentu sekali tidak banyak membantu usaha membudayakan bahasa Melayu dalam TM. Jika ditinjau dengan teliti, ramai graduan TM yang hanya fasih berbahasa Melayu, bekerja makan gaji sahaja dengan agensi kerajaan. Mereka ini tentu sekali berasa rendah diri apabila berada dalam persekitaran TM yang berbahasa asing, jauh sekali untuk terlibat dalam industri TM secara besar-besaran. Janganlah kita terkejut jika dikatakan negara Barat kini telah menggunakan TM untuk menjajah negara kita. Perdana Menteri Malaysia sendiri pernah menganggap proses globalisasi adalah proses penjajahan baru dan TM kini menjadi alat mereka yang paling efektif.

Dalam era TM ini, negara kita masih kekurangan modal budaya sendiri. Sudahlah hampir semua kegiatan ekonomi TM dilaksanakan dalam bahasa asing, kegiatan TM di sektor kerajaan juga lebih mudah kononnya diuruskan dalam bahasa Inggeris. Sama ada berkomunikasi atau menulis laporan, lebih senang dan lebih maju agaknya jika menggunakan bahasa Inggeris. Menambahkan dilema kita, perhatikan pula bagaimana bahasa Melayu dimartabatkan pada peringkat institusi pengajian tinggi awam atau IPTA. Ada di kalangan IPTA ini amat menggalakkan pensyarahnya menggunakan bahasa Melayu untuk pengajaran dan penulisan. Malangnya kriteria penilaian penerbitan untuk kenaikan pangkat adalah mengutamakan penerbitan bertaraf

antarabangsa. Tentu sekali yang setia menulis dalam bahasa Melayu akan kalah lagi untuk kesekian kalinya.

Mengikut kata Dato' Hassan Ahmad<sup>2</sup>

"... rancangan TM negara akan gagal jika ia tidak dikembangkan dalam bahasa Melayu - bahasa yang lebih layak daripada bahasa Inggeris untuk menjana kemajuan dan tamadun indigenus di negara ini."

Namun sekali lagi kita berhalangan besar dari sudut aktiviti pendidikan. Di negara ini, pendidikan TM sebahagian besarnya dikuasai oleh ratusan kolej swasta yang bukan milik Melayu. Bagi mereka, bahasa TM yang global tentu lebih tinggi nilai ekonominya.

### **Amalan Bahasa Melayu dalam TM**

Dalam aktiviti yang berkaitan dengan TM, penggunaan bahasa Melayu masih tidak menggalakkan yang boleh dikatakan meliputi hampir semua bidang perniagaan dan industri TM. Kegiatan yang bercorak pendidikan seperti persidangan TM yang menggunakan bahasa Melayu amat kecil bilangannya. Malahan jika dilaksanakan pun, golongan pegawai kerajaan berbangsa Melayu sahaja yang sudi hadir. Kalau difikirkan ada juga logiknya kerana kita sentiasa mahukan aktiviti kita bersifat global!

Kalau kita beralih kepada teknologi internet, tentu sekali kita juga akan kebingungan memikirkan nasib anak Melayu yang hanya fasih berbahasa Melayu. Walaupun mereka mempunyai komputer, kandungan maklumat internet masih berbahasa asing. Agaknya anak-anak kita sekadar melihat gambar-gambar sahaja yang mungkin membawa seribu makna.

Untuk berlaku lebih adil terhadap penilaian status bahasa Melayu dalam era TM di Malaysia ini, satu kaji selidik ringkas telah dibuat. Kajian tersebut melihat apakah

---


<sup>2</sup> Hassan Ahmad, "Bahasa Melayu dalam Era Teknologi Maklumat", Perpustakaan DBP, (mikrofilem 16/11/1999), 10 him.

bahasa yang digunakan dalam persembahan web organisasi di Malaysia. Kajian yang dibuat pada bulan Januari 2001 yang mengambil masa selama dua minggu telah memberikan penekanan kepada kategori berikut:

- Organisasi Perniagaan
- Organisasi Kerajaan
- Kerajaan Negeri
- Badan Berkanun
- Badan Bukan Kerajaan

Kaedah pencarian dibuat menggunakan enjin pencari yang menggunakan pelantar internet iaitu `Internet Explorer'. Bilangan laman yang disiarkan ialah bilangan yang ditemui dalam proses kajian dan tidak melambangkan bilangan sebenarnya laman web pihak tertentu.

Bagi kategori organisasi perniagaan, daripada 74 laman yang dilawati, 64 daripadanya menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris manakala 10 laman lagi menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Penggunaan bahasa Melayu dalam laman web agak seimbang, ada kemungkinannya untuk menarik perhatian pelanggan tempatan.



## Rajah 1

Bagi organisasi kerajaan Malaysia, sebanyak 214 laman telah dilawati yang melibatkan hampir semua kementerian. Daripada jumlah ini, secara puratanya didapati 35% laman web menggunakan bahasa Melayu sahaja dan 29% lagi menggunakan bahasa Inggeris sahaja (lihat Rajah 1). Bagaimanapun, seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran I, masih ada pihak-pihak yang tidak mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dalam persembahan maklumat web mereka.

Kategori	Persembahan Laman Web		
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Dwibahasa
Badan Berkanun	24	34	21
Badan Bukan Berkanun	6	1	16

## Rajah 2 Bilangan Laman Web Mengikut Bahasa Persembahan.


Bagi kategori badan berkanun pula, sebanyak 79 laman web telah dilawati. Daripada jumlah ini, sebanyak 24 laman menggunakan bahasa Melayu; 34 laman berbahasa Inggeris dan 21 laman lagi menggunakan dwibahasa. Pertubuhan bukan kerajaan juga kelihatan mengutamakan bahasa Melayu dengan 16 daripada 23 laman menggunakan bahasa Melayu.

Bagi kerajaan negeri pula, didapati penggunaan bahasa Inggeris sahaja agak berkurangan kecuali negeri Sarawak (lihat Lampiran II). Daripada 326 laman yang dilawati, terdapat 62% laman yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya; 21% menggunakan bahasa Inggeris sahaja dan 17% menggunakan dwibahasa. Rajah 3 menunjukkan bagaimana perbandingan bilangan laman web berbahasa Melayu antara negeri-negeri di Malaysia.

Dari aspek penggunaan gerbang web berbahasa Melayu, kita boleh juga melihat perkembangan perkhidmatan yang agak memuaskan seperti:

- [www.cari.com.my](http://www.cari.com.my)
- [www.e-jariah.com.my](http://www.e-jariah.com.my)
- [www.taninet.com.my](http://www.taninet.com.my)

Secara keseluruhannya, didapati penggunaan bahasa Melayu



**Rajah 3**

dalam pembentangan maklumat dalam laman web agak memuaskan: Namun demikian, perisian lain yang lebih khusus seperti perisian pendidikan masih lagi ketandusan versi berbahasa Melayunya.

### **Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia**

Universiti Kebangsaan Malaysia atau UKM telah menjadi pelopor penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan TM. Program ijazah Sains Komputer yang ditawarkan sejak 25 tahun yang lalu telah dikendalikan sepenuhnya dalam

bahasa Melayu. Kini, tesis peringkat ijazah doktor falsafah pelbagai bidang TM telah berjaya ditulis dalam bahasa Melayu sepenuhnya.

Dalam usaha pendidikan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) iJKM telah memastikan yang semua kurikulum, kegiatan syarahan dan soalan disediakan dalam bahasa Melayu. Bagaimanakah pensyarah dapat menggunakan bahasa dan istilah yang dikehendaki sedangkan perkembangan bidang TM terlalu cepat? Berikut adalah sebahagian daripada kaedah yang digunakan:<sup>3</sup>

- Menyediakan nota sendiri dalam bahasa Melayu;
- Menterjemah nota bahasa Inggeris ke bahasa Melayu;
- Menggunakan istilah dari DBP atau sumber lain, kamus dan melalui kawan-kawan sepejabat;
- Menggunakan istilah dengan sebutan Inggeris yang dimelayukan ejaannya; dan
- Mengekalkan istilah bahasa Inggeris.

Dalam usaha di atas, pihak fakulti memberi kebebasan sepenuhnya kepada pensyarah untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran mereka.

Usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa TM telah dimulakan sejak lama dulu di UKM. Awal tahun 80-an, telah wujud satu kumpulan kerja yang berusaha untuk menghasilkan istilah sains (termasuklah istilah untuk TM). Bagaimanapun, setelah terhasilnya sebuah buku istilah sains pada akhir tahun 80-an, kumpulan kerja ini telah hilang tanpa berita. Pada masa itu juga, usaha telah dibuat untuk menghasilkan satu bahasa atur cara yang berasaskan bahasa Melayu. Penyelidikan yang berasaskan bahasa 'Pascal' ini akhirnya telah berjaya menghasilkan pengkompil berbahasa Melayu dengan nama bahasa

---

<sup>3</sup> Dapatan ini merupakan hasil soal selidik yang dihantar kepada pensyarah FTSM pada 17 Januari 2001.



UKM1. Bahasa ini telah digunakan selama beberapa tahun oleh Jabatan Sains Komputer.

Pada masa ini, FTSM juga mempunyai sekumpulan penyelidik yang menumpukan kajian dalam bidang capaian maklumat dan projek istilah sains UKM. Salah satu fokus kajian adalah membina sistem yang memudahkan capaian istilah secara dalam talian atau melalui web. Sehingga beberapa produk capaian istilah sains telah dihasilkan seperti yang berikut:

- CD Istilah Sains UKM Versi 1.0
- <http://sun1.ftsm.ukm.my:8080/istilah>

Di samping pengajaran dan penyelidikan, UKM juga telah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya untuk melaksanakan perkhidmatan TM kampus. Perkhidmatan ini berjaya disebabkan pembangunan perisian aplikasi telah dibuat secara dalaman oleh kakitangan Pusat Komputer. Sehingga kini, pelbagai aplikasi seperti Sistem Maklumat Pelajar, Sistem Maklumat Kakitangan dan Sistem Kewangan Universiti telah berfungsi sepenuhnya dalam bahasa Melayu melalui kaedah pelayan-pelanggan dan web.

Persediaan peralatan sahaja mungkin tidak mencukupi, malah penerusan usaha mengkayakan istilah TM perlu diteruskan. Pada satu ketika, UKM telah menghadapi masalah untuk mendapatkan istilah "web". Akhirnya pihak pengurusan memutuskan untuk menggunakan istilah "sesawang" bagi "web". Pada hari ini, jika kita menggunakan enjin <http://sun1.ftsm.ukm.my:8080/istilah>, istilah bagi "web" adalah "web" untuk kategori "Teknologi Maklumat". Bagaimanapun, jika digunakan enjin pencari istilah DBP pada laman [www.dbp.gov.my](http://www.dbp.gov.my), istilah bagi "web" secara langsung memang bermaksud "sesawang" tetapi bagi bidang "Tekstil"!

### **Menghadapi Cabaran**

Dalam menghadapi proses globalisasi, rintangan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam TM amat besar. Penghayatan dan promosi penggunaan bahasa

Melayu menjadi bertambah sukar apabila kepentingan ekonomi menjadi pertukarannya. Namun begitu, dengan penutur bahasa Melayu di dunia ini yang melebihi 200 juta orang sebenarnya mencukupi untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa TM serantau yang ada nilai ekonomi. Di sini kejutan dan semangat tambahan amat diperlukan untuk merealisasikan hasrat ini termasuklah kerjasama sepadu antara semua negara berbahasa Melayu. Bagi negara ini, usaha-usaha yang berikut mungkin boleh dilaksanakan demi kemajuan penggunaan bahasa Melayu dalam TM:

- Memberi pengiktirafan sewajarnya dan berterusan kepada mereka yang berjuang memartabatkan bahasa Melayu dalam TM. Ini boleh dilaksanakan melalui skim ganjaran atau anugerah secara berkala.
- Menjadikan perkhidmatan penggunaan bahasa Melayu dalam TM sebagai tanggungjawab sosial kerajaan. Kerajaan Malaysia melalui DBP umpamanya, boleh menyediakan perkhidmatan percuma mencari istilah dan bahasa dalam TM untuk semua golongan pengguna bahasa Melayu di negara ini. Perkhidmatan ini boleh dipopularkan melalui gerbang web bahasa DBP yang sedia ada.
- Penyediaan prasarana yang lebih dinamik untuk pengembangan istilah dan bahasa dalam TM. Prasarana ini boleh menggunakan gerbang web DBP yang sedia ada. Prasarana ini mestilah membenarkan sesiapa sahaja memberikan cadangan dan komen terhadap sebarang perkara baru yang timbul berkaitan dengan penggunaan istilah dan bahasa Melayu dalam TM. Pengesahan istilah dan bahasa yang betul kemudiannya boleh dibuat dengan cepat oleh pakar-pakar bahasa yang dilantik. Dengan cara ini sahaja bahasa Melayu berupaya untuk beriringan dengan kepesatan perkembangan TM itu sendiri.
- Meningkatkan permuafakatan dan kerjasama dalam TM berbahasa Melayu pada peringkat negara serantau yang tentunya mampu memberikan pulangan bernilai ekonomi yang sewajarnya.

- Melonggokkan perisian aplikasi generik berbahasa Melayu, yang murah dan mudah diperoleh dalam pasaran negara. Tentu sekali pihak-pihak seperti NITC (National IT Council), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan IM mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu usaha seperti ini.

## **Kesimpulan**

Membawa negara untuk mampu bersaing pada peringkat global memerlukan banyak pengorbanan. Era TM dengan jelas menunjukkan bahawa bahasa Inggeris sahaja yang diiktiraf sebagai bahasa global, dan ini jelas memerlukan pengorbanan bahasa Melayu. Bagaimanapun, John Naisbit<sup>4</sup> mengatakan bahawa makin dunia menjadi "global", semakin kuat pula timbulnya sedaran nasionalistik penduduk setempat seperti yang berlaku pada beberapa buah negara di Eropah. Oleh itu, pihak 1 pula, dengan usaha pendidikan TM berbahasa Melayu yang jelas dasarnya, dan dengan kekuatan bahasa Melayu dalam IT tentu sekali boleh diseirinkan dengan keperluan globalisasi. Segala-galanya ada pada kita.

## **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah FTSM dalam memberikan pandangan terhadap penggunaan istilah TM dalam pengajaran dan kepada pelatih di Pusat Komputer UKM yang membantu menjalankan kajian lawatan laman web.

---

<sup>4</sup> Buku yang berjudul *The Global Paradox* (1995).

## Lampiran I

Kategori	Persembahan Laman Web		
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Dwibahasa
Johor	1	5	0
Negeri Sembilan0	25	1	3
Perlis	16	0	1
Terengganu	7	2	0
Kedah	33	0	0
Pahang	25	0	0
Sabah	16	18	14
Kelantan	13	3	3
Pulau Pinang	16	2	4
Sarawak	2	37	2
Melaka	10	2	3
Perak	19	0	16
Selangor	19	0	8

## Lampiran II

Kategori	Persembahan Laman Web		
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Dwibahasa
Jabatan Perdana Menteri	8	9	10
Kementerian Dalam Negeri	3		2
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	2	3	2
Kementerian Kerja Raya	1	1	2
Kementerian Kesihatan	0	9	0
Kementerian Kewangan	1	5	5
Kementerian Pengangkutan	0	3	1
Kementerian Penerangan	0	1	5
Kementerian Pendidikan	12	1	6
Kementerian Pembangunan Usahawan	4	4	1
Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar	7	0	0
Kementerian Pertahanan	1	0	4
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna	10	0	2
Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri	9	4	1
Kementerian Perpaduan Negara	0	0	4
Kementerian Perusahaan Utama	0	7	4
Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan	15	0	1

Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar	0	6	12
Kementerian Pertanian	1	7	1
Kementerian Sumber Manusia	2	0	5
Kementerian Tanah & Pembangunan Koperasi	0	0	12
Kementerian Tenaga, Komunikasi & Multimedia	0	2	0